

Bangun industri buku guna model Taiwan

BERITA HARIAN NIS 75 ~~1/5~~ 29/01/2018

[FOTO HIASAN]

Taiwan mempunyai populasi penduduk lebih kurang sama dengan Malaysia. Namun, sejak dekad 1980-an, industri buku negara itu berkembang begitu pesat. Ia seiring perkembangan perindustriannya yang meletakkan Taiwan sebagai Harimau Asia bersama Korea Selatan, Hong Kong dan Singapura. Hampir 90 peratus buku dalam pasaran buku Taiwan berbahasa Mandarin.

Menjelang dekad kedua abad ke-21, industri buku Taiwan mengeluarkan purata 40,000 judul setahun, sekali gus meletakkan negara itu di tempat kedua dunia selepas United Kingdom (UK), manakala Amerika Syarikat (AS) di tempat ke-12 dan China (25). Pendapatan pasaran buku pada 2012 mencecah lebih AS\$1 bilion (RM3.88 bilion).

Terdapat 700 penerbit buku di seluruh Taiwan, termasuk rangkaian kedai buku yang ada di mana saja. Sebahagian besarnya penerbit kecil, manakala sebahagian kecil penerbit sederhana dan beberapa konglomerat besar. Seperti penerbit, rangkaian kedai buku Taiwan juga dalam keadaan sama.

Walaupun Taiwan menghadapi suasana penurunan jualan buku yang berlaku di seluruh dunia, industri bukunya masih dapat dikatakan besar. Penurunan ini menyaksikan pendapatan pasaran buku turun kepada AS\$618 juta (RM2.4 bilion) pada 2015. Penurunan ini disebabkan faktor global, ditambah lagi keadaan ekonomi dunia yang mengalami sedikit krisis bermula pertengahan

Komentaar



**Syed Mohd Zakir
Syed Othman**

Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (SEA Write)

Dalam konteks pasaran, Taiwan mempunyai kedai buku hampir di setiap tempat. Seperti syarikat penerbitan, kedai buku terbahagi kepada tiga kategori, iaitu konglomerat kedai buku seperti Eslite, kedai buku kategori pertengahan dan kedai buku kecil.

Konglomerat mempunyai rangkaian besar berserta kepelbagaian jualan lain. Kedai buku sederhana dimiliki oleh pemodal dan pengusaha profesional yang menyasarkan pembaca dalam lingkungan kota atau populasi yang padat.

Sementara kedai buku kecil yang banyak dan bertaburan di merata ceruk, sebahagian besarnya diusahakan oleh individu dari kalangan amatir dan aktivis. Jika konglomerat dan kedai buku sederhana memperoleh pendapatan daripada pembekalan dan peruncitan, kedai buku kecil mendapat pendapatan daripada peruncitan dan kegiatan yang mereka lakukan dalam skala kecil tetapi tetap.

Kedai buku kecil ini sebahagiannya mempunyai dua fungsi, iaitu pertama sebagai premis jualan runcit dan penerbitan kecil, manakala kedua, sebagai pusat ke-



Malaysia perlu menyedari untuk membangunkan industri buku sebenar dan bersifat jangka panjang adalah dengan membangunkan kesedaran, minat dan keperluan membaca dalam kalangan masyarakat.

ran. Beliau menganjurkan sayembara penulisan untuk imigran yang bekerja di Taiwan, iaitu dari Myanmar, Vietnam, Thailand dan Indonesia.

Cheng mendapat dana TWD500,000 (RM67,000) setahun daripada Kementerian Kebudayaan Taiwan. Dana itu digunakan oleh Chen untuk menganjurkan gerakan penulisan dalam kalangan imigran, manakala selebihnya digunakan untuk kos operasi dan pengurusan kedai bukunya. Terdapat banyak kedai buku kecil yang dijalankan oleh aktivis mendapat geran dan dana untuk menggerakkan aktiviti sastera dan pembacaan secara berterusan



Malaysia memerlukan model baharu dalam membangunkan industri buku yang bersifat jangka panjang dan lebih autentik. Maka ia memerlukan pelaksanaan lebih terangkum, saksama dan menyeluruh. Dalam hal ini ia

berada dalam masyarakat ramai. Hal ini dilihat adalah antara faktor yang membangunkan industri buku di Taiwan.

Malaysia perlu menyedari untuk membangunkan industri buku sebenar dan bersifat jangka panjang adalah dengan membangunkan kesedaran, minat dan keperluan untuk membaca di kalangan masyarakat. Hal ini hanya paling berkesan untuk dilakukan ialah dengan menyediakan dana yang besar untuk diberikan secara sama rata dan meluas kepada para aktivis yang begitu ramai bergerak dalam skala kecil.

dekad 2010-an.

Bagaimanapun apa yang ingin dilihat di sini ialah bagaimana Taiwan membangunkan industri bukunya, sekali gus menyorot sumbangan pemain industri dan kerajaan dalam meletakkan mekanisme galakan serta suntikan bantuan ke dalam industri. Selain dari segi kuantitatif, ia juga bergerak dari segi kualitatif akibat kehadiran buku terjemahan terutama dari Barat.

Kejuruteraan ilmu dalam bahasa sendiri

Buku terjemahan ialah bahagian yang besar dalam pasaran buku Taiwan. Daripada 100 judul terlaris, 70 tajuk daripadanya buku terjemahan. Apa yang dilakukan Taiwan dengan begitu banyak buku terjemahan adalah seperti manu mengalihkan semua ilmu dan pengetahuan di dunia ke bahasa Mandarin. Ia seperti kejuruteraan semula ilmu yang dibangunkan dalam bahasa Mandarin.

hakala kerajaan, sebagai pusat kegiatan berinteraksi secara langsung dengan pengguna.

Dana kerajaan bangunkan industri

Dalam membangunkan industri buku, kerajaan Taiwan memberikan dana untuk kedai buku kecil yang kebanyakannya diusahakan aktivis. Dana ini diberikan untuk aktivis menjalankan kegiatan secara konsisten dan meluas. Aktivis ini menjadikan kedai buku sebagai pusat kegiatan, malah gerakan sastra, budaya dan sosial yang dibantu sumber kewangan daripada dana kerajaan.

Lantaran itu, kedai buku kecil boleh dikatakan mendapat sumber pendapatan daripada dana kerajaan untuk menjalankan kegiatan, selain jualan buku dan yuran daripada penyertaan acara dianjurkan.

Sebagai contoh, Chan Cheng, aktivis yang membuka kedai buku di New Taipei City mengadakan kegiatan sastra untuk imig-

pembacaan secara berterusan oleh kerajaan Taiwan.

Kerajaan suntik dana

Pihak berwajib di Taiwan mengambil usaha untuk menyuntik dana kepada aktivis sastra dan sosial persendirian baik yang menjalankan premis perniagaan seperti kedai buku atau agensi lain, dan juga secara individu untuk menggiatkan aktiviti membaca di kalangan masyarakat. Dana ini disuntik untuk mereka yang bergerak di bawah dan di kalangan umum, mewakili golongan paling ramai.

Apa yang dapat dilihat di sini ialah kegiatan, kempen dan kesedaran berterusan yang digerakkan aktivis yang dibiayai oleh dana kerajaan dapat membangunkan kesedaran yang berterusan dalam kalangan rakyat terhadap keperluan kepada buku.

Kerajaan Taiwan menumpukan perhatian dengan memberi bantuan dan pembiayaan kepada peringkat bawah, iaitu aktivis yang

Dalam hal ini ia bukan saja membangunkan kesedaran masyarakat, bahkan menjana pendapatan kepada aktivis dan penulis yang dapat pula membangunkan potensi kuasa beli baharu terhadap industri buku”

Skala kecil, berterusan

Kegiatan yang dilakukan dalam skala kecil, tetapi berterusan dan diberikan kepada lebih ramai penggiat serta aktivis, termasuk individu adalah lebih berkesan, malah paling memberikan impak dalam menggiatkan kegiatan membangunkan kesedaran dan minat terhadap buku. Kegiatan akan menjadi lebih banyak, bervariasi dan menyebarkan ke pelbagai lapisan masyarakat dengan lebih baik.

Malaysia memerlukan model baharu dalam membangunkan industri buku yang bersifat jangka panjang dan lebih autentik. Maka ia memerlukan pelaksanaan lebih terangkum, saksama dan menyeluruh.

Dalam hal ini ia bukan sahaja membangunkan kesedaran masyarakat, bahkan menjana pendapatan kepada aktivis dan penulis yang dapat pula membangunkan potensi kuasa beli baharu terhadap industri buku.

Contohi pendidikan di Jepun lahir pelajar kreatif, beradab

BREKTA HADIANI
MIS 76

29/01/2018

Guru, ibu bapa dan masyarakat ingin melihat pendidikan berupaya melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif, di samping beradab dan berakhlak mulia. Mampukah sistem pendidikan, guru, ibu bapa dan masyarakat mendidik pelajar menjadi seperti dicita-citakan?

Mendidik satu proses panjang dan memerlukan komitmen semua pihak. Di Malaysia, pelajar masih terikat dengan pentaksiran berasaskan sekolah dan peperiksaan umum serta kurikulum yang standard, iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KKSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Setiap pelajar dan guru hanya perlu mengikuti apa yang dirancang.

Nilai yang perlu diterapkan juga dinyatakan sehinggalah kurikulum diberikan kepada guru dianggap sebagai kitab yang perlu diikuti dan dipatuhi. Tujuan pendidikan dilihat sebagai proses mendisiplinkan akal. Kejayaan dalam akademik menentukan kejayaan seterusnya dalam kehidupan.

Keadaan serupa terbawa-bawa ke universiti oleh pelajar dan penyarah. Kaedah syarahan dan mengambil nota terus kekal dan pelajar perlu menduduki peperiksaan. Adakah cara ini membantu melahirkan individu kreatif dan inovatif apabila keluar dari alam persekolahan?

Selain ingin lahirkan individu kreatif dan inovatif, banyak pihak memperkatakan mengenai individu yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi (Higher Order

Thinking Skill). Persoalannya, adakah guru mampu dan bersedia melakukannya?

Ada pihak menyuarakan kebimbangan, jika kita gagal melahirkan generasi akan datang yang boleh berfikir aras tinggi, kreatif dan inovatif, kita akan gagal sebagai sebuah negara. Kita mahukan rakyat kita seperti masyarakat Jepun yang berjaya menjadikan negara mereka maju. Adakah pendidikan yang menjadikan rakyat Jepun sedemikian?

Apakah bezanya pendidikan di Jepun dengan pendidikan di Malaysia? Adakah pendidikan di Jepun bertujuan melahirkan rakyat beradab dan bertingkah laku baik serta rajin bekerja?

Anggap pendidikan penting

Pendidikan di Jepun tidak jauh bezanya dengan pendidikan di negara ini. Pelajarnya terpaksa menduduki beberapa peperiksaan umum untuk melayakkan mereka memasuki sekolah tinggi dan universiti berprestij serta terkenal.

Ibu bapa dan masyarakat Jepun menganggap pendidikan penting untuk anak mereka. Bagi memastikan harapan ibu bapa tercapai, anak belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan. Bagaimanapun, murid di Jepun belajar dari pagi hingga petang berbeza dengan pelajar di Malaysia.

Mulai jam 8.30 pagi hingga 4 petang, selepas itu ke kelas tambahan atau mengikuti aktiviti kurikulum sehingga jam 6 petang atau lebih. Pada hari Sabtu pun, ada pelajar yang terpaksa menghadiri aktiviti sekolah. Keadaan seperti ini menjadikan pelajar di Je-



Cara Jepun mendidik pelajar menjadi rakyat dan pekerja yang baik boleh dicontohi, tetapi memerlukan komitmen serta kesungguhan semua pihak, ibu bapa, majikan dan masyarakat”

pun rajin.

Proses mendidik yang bermula sejak tadika dan seterusnya ke sekolah rendah, menengah dan tinggi bermatlamat melahirkan individu beradab, bertingkah laku baik, berpengetahuan, berkemahiran serta dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara dan kemakmuran rakyat.

Pada peringkat awal sekolah rendah, Tahun Satu hingga Tiga, tiada peperiksaan dan tumpuan hanya diberikan kepada pendidikan adab dan membentuk tingkah laku yang baik. Ini dilakukan bukan sahaja melalui sebutan, tetapi juga perbuatan.

Murid diajar cara menghormati orang lain, mengutamakan kebersihan seperti membersihkan bilik darjah, tandas dan kawasan sekolah (tiada pencuci dan tukang kebun), memakai kasut khas dalam kelas; makan bersama-sama rakan lain dan guru dalam kelas (menu sama disediakan tukang masak profesional sekolah) serta memakai pakaian seragam sekolah.

Lahir pelajar kreatif, inovatif

Hasilnya, lahir rakyat Jepun yang menghormati orang lain, boleh bekerja secara pasukan, bekerja kuat dan rajin, menjaga kebersihan, bertingkah laku baik serta boleh bekerja dalam situasi tertekan. Semuanya ini dipelajari di sekolah.

Ada pihak mengkritik pendidikan di Jepun ini tidak melahirkan individu kreatif dan inovatif sebab tiada ruang serta masa untuk pelajar melakukan sesuatu yang dianggap kreatif dan inovatif. Mungkin pendidikan di Jepun mampu melahirkan pelajar berfikir aras

tinggi kerana tumpuan lebih diberikan kepada soal akademik.

Malah, Jepun berjaya dalam Program Pentaksiran Pelajar Antarabangsa (PISA) dan berada kedudukan teratas dalam hirarki bersama-sama dengan negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) lain yang cemerlang. Begitu juga tumpuan kepada matematik dan sains sejak di bangku sekolah.

Oleh kerana Jepun maju dalam teknologi, maka murid melihat banyak peluang pekerjaan jika mereka berjaya dalam matematik dan sains.

Kreativiti dan inovatif akan terbentuk apabila mereka mendedi lami bidang pekerjaan yang mereka ceburi. Ini penting untuk memastikan produk dihasilkan dapat dipasarkan dan membawa keuntungan kepada syarikat dan negara.

Cara Jepun mendidik pelajar menjadi rakyat dan pekerja yang baik boleh dicontohi, tetapi memerlukan komitmen serta kesungguhan semua pihak, ibu bapa, majikan dan masyarakat. Jepun sebelum perang dunia kedua adalah negara yang rakyatnya selalu berperang sesama sendiri, tetapi berjaya mengubah budaya dan cara kehidupan melalui perubahan pendidikan yang dilaksanakan secara bersungguh-sungguh oleh semua pihak.



Prof Datuk Dr Zakaria Kasa,
Ketua Kluster Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan
Majlis Profesor Negara